# KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP) MELALUI KEPIMPINAN PENDIDIKAN

**MOHD FAIZ BIN MOHD YAAKOB**

*p20131001410@siswa.upsi.edu.my*

## PENGENALAN

Menerusi buku Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) jelas menyatakan aktiviti Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) perlu dijalankan di sekolah sebagai kaedah untuk meningkatkan prestasi guru dan sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Hal ini diperincikan dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan pada 2016 (PIPPK,2016).

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) ialah salah satu inisiatif untuk meningkatkan kualiti guru mengikut trend dan perkembangan profesionalisme perguruan di negara-negara maju. Pelaksanaan KPP dalam kalangan pendidik dilihat sebagai usaha yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan prestasi guru, prestasi murid serta profesionalisme keguruan (Chichibu, 2013; Dufour & Mattos, 2013; Pektas, 2014).

Model ini berasaskan teori organisasi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Peter Senge (1990). Teori ini menyatakan bahawa organisasi yang berjaya ialah apabila keseluruhan warga kerjanya terus menerus mengembangkan *(continually expand)* kebolehan mereka untuk mencipta hasil yang benar-benar mereka inginkan (Senge, 1990).

Namun, dalam melaksanakan KPP dengan berkesan, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan diambil berat seperti **beban tugas guru, pelaksanaan KPP dan sistem hierarki yang sedia ada** (Hairon & Dimmock, 2012). Justeru, kepimpinan pendidikan diperlukan bagi membentuk keberkesanan



The Strategist Man of The Century (Journal of Business Strategy)







## MODEL KPP



### Model Shirley Hord

1)Sokongan dan perkongsian kepimpinan (Supportive and shared leadership)
2) Perkongsian nilai dan visi (Shared values and vision)
3)Pembelajaran Kolektif dan Aplikasi Pembelajaran (Collective learning and application of learning)
4) Sokongan keadaan (Supportive conditions)
5) Perkongsian amalan persendirian (Shared practice)

## LAPORAN KEBERKESANAN KPP

www.allthingplc.info

Research report RR637, Universities of Bristol, Bath and London, Institute of Education

https://www.sedl.org/plc/success_stories.html

AIR: American Institute of Research

## KPP MELALUI KEPIMPINAN PENDIDIKAN:

## FAKTOR PENGHALANG

Sikap guru
Sikap murid
Pengurusan sekolah yang kurang cekap
Kurang kemudahan dan sistem komunikasi
Gangguan pihak berkepentingan
(Zuraidah Abdullah, 2016)

## FAKTOR PENGGALAK

Persekitaran positif kondusif dan budaya kerja yang positif
Amalan kepimpinan berkesan
Sekolah bermatlamatkan pencapaian yang cemerlang
Sistem jalinan perhubungan dan sokongan luar
(Zuraidah Abdullah, 2016)




## DISIPLIN KPP

Disiplin Visi dan Nilai

*(The Discipline of Vision and Values)*

Disiplin Akauntabiliti dan Sambutan

*(The Discipline of Accountability and Celebration)*

Disiplin Perkhidmatan dan Perkongsian

*(The Discipline of Service and Sharing)*

Disiplin Refleksi dan Keseimbangan

*(The Discipline of Reflection and Balance)*

Disiplin Inspirasi dan Pengaruh

*(The Discipline of Inspiration and Influence)*




